



# KENYATAAN MEDIA

## **KERAJAAN TAWAR 188 MEGAWATT KUOTA BAHARU FIT**

Kerajaan melalui Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia akan membuka permohonan bagi kuota Tarif Galakan atau *Feed-in Tariff* (FiT) sebanyak 188 Megawatt (MW) untuk sumber biogas, mini hidro dan biojisim di Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah tersebut, kuota sebanyak 32MW akan dikhaskan bagi sumber biogas, 126MW bagi sumber mini hidro dan 30MW bagi sumber biojisim. Kesemua kuota ini boleh dipohon secara bidaan atas talian (*e-bidding*) melalui laman sesawang SEDA Malaysia, bermula pada 1 Jun 2021 untuk biogas, 8 Jun 2021 untuk mini hidro dan 22 Jun 2021 untuk biojisim.

Permohonan kuota FiT secara *e-bidding* mula dilaksanakan pada tahun 2018 bagi sumber biogas sebelum diperluaskan bagi sumber mini hidro pada tahun 2019 dan sumber biojisim pada tahun ini. Pelaksanaan *e-bidding* ini bertujuan memastikan supaya kuota FiT diluluskan kepada pembida dengan tawaran tarif terendah. Pendekatan ini membolehkan dana Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) dioptimumkan, seterusnya lebih banyak kuota FiT boleh ditawarkan kepada syarikat-syarikat pemaju Tenaga Boleh Baharu (TBB).

Kerajaan menjangkakan penawaran kuota FiT yang baharu ini berupaya menjana pelaburan sebanyak RM1.5 bilion dan mewujudkan sebanyak 600 peluang pekerjaan dalam industri TBB. Langkah ini juga sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk merencanakan semula pertumbuhan ekonomi negara pasca penularan wabak Covid-19, khususnya dalam

sektor tenaga. Projek-projek yang bakal diluluskan ini akan mula menjana dan membekalkan elektrik mulai pertengahan tahun 2024.

Sejak Program FiT diperkenalkan pada tahun 2011, kuota sebanyak 1,394MW telah diluluskan bagi semua sumber TBB melibatkan sebanyak 10,476 projek di seluruh negara.

Penjelasan lanjut mengenai proses permohonan kuota, termasuk tarikh sesi taklimat kepada para pembida dan tarikh penghantaran permohonan *e-bidding* boleh diperolehi melalui laman sesawang SEDA Malaysia di pautan [www.seda.gov.my](http://www.seda.gov.my) selepas pengumuman ini.

**YB DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH**  
**MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**23 FEBRUARI 2021**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia